

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**SOALAN : 225**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah status dalam mendapatkan keputusan Jemaah Menteri mengenai "Nuclear Power Infrastructure Development Plan" (NPIDP); dan
- (b) apakah ciri-ciri NPIDP dan bilakah pelan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

**JAWAPAN: Y.B. DATUK SERI MAH SIEW KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

(a) Sehingga kini, Jemaah Menteri belum membuat keputusan terhadap Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear atau *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP).

(b) Seperti yang dinyatakan dalam Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Programme* (ETP), NPIDP tersebut disediakan sebagai panduan kepada perancangan dan persediaan yang diperlukan bagi pembangunan program kuasa nuklear di Malaysia. NPIDP ini merangkumi skop berikut:

1. penilaian perundangan berkaitan dan proses pelesenan, dengan tumpuan kepada risiko kawalseliaan terhadap pelaksanaan projek janakuasa nuklear, berdasarkan draf Rang Undang-undang Kawalseliaan Tenaga Atom yang baru dan komprehensif serta draf peraturan kawalseliaan dan garis panduan yang telah disediakan untuk draf Rang Undang-undang itu;
2. penilaian tahap keupayaan modal insan negara dan pengenalpastian bidang-bidang keutamaan untuk pembangunan modal insan yang diperlukan untuk menyokong pelaksanaan projek loji janakuasa nuklear di Malaysia, termasuk menilai jumlah bilangan modal insan yang berkelayakan dan tahap kelayakan profesional mereka, serta kursus-kursus berkaitan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan;

3. penilaian keupayaan industri tempatan dalam sektor tenaga dan pengenalpastian bidang-bidang keutamaan untuk pembangunan infrastruktur industri untuk menyokong pelaksanaan projek janakuasa nuklear, termasuk penilaian potensi tahap penyertaan industri tempatan dalam projek itu;
4. pengenalpastian bidang-bidang keutamaan untuk pembangunan keupayaan dan prasarana teknologi dalam institusi penyelidikan kebangsaan yang berkenaan, terutamanya Agensi Nuklear Malaysia sebagai Organisasi Sokongan Teknikal (*Technical Support Organisation* (TSO)) kepada pemilik dan pengendali loji janakuasa nuklear atau agensi kawalseliaan tenaga atom yang baru dan bebas (*independent*);
5. pengumpulan maklumat am mengenai pendapat umum terhadap tenaga nuklear, berdasarkan pemantauan media sosial dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders*; dan,
6. penilaian tahap kesediaan negara dalam kesemua sembilan belas (19) Isu Infrastruktur yang disyorkan oleh IAEA, iaitu isu-isu berikut:
  - i) pendirian negara atau *national position*;
  - ii) keselamatan nuklear atau *nuclear safety*;
  - iii) pengurusan atau *management*;
  - iv) pembiayaan atau *funding and financing*;
  - v) rangka kerja perundangan atau *legislative framework*;

- vi) kawalan pencegahan penyalahgunaan untuk tujuan persenjataan nuklear atau *safeguards*;
- vii) rangka kerja kawalseliaan atau *regulatory framework*;
- viii) perlindungan sinaran atau radiasi atau *radiation protection*;
- ix) grid bekalan elektrik atau *electrical grid*;
- x) pembangunan modal insan atau *human resource development*;
- xi) penglibatan pihak berkepentingan atau *stakeholder involvement*;
- xii) tapak loji janakuasa nuklear dan kemudahan sokongannya atau *site and supporting facilities*;
- xiii) perlindungan alam sekitar atau *environmental protection*;
- xiv) perancangan kecemasan atau *emergency planning*;
- xv) keselamatan dan perlindungan fizikal atau *security and physical protection*;
- xvi) kitaran bahan api nuklear atau *nuclear fuel cycle*;
- xvii) sisa radioaktif atau *radioactive waste*;
- xviii) penglibatan industri tempatan atau *industrial involvement*;
- dan,
- xix) perolehan atau *procurement*.

Permulaan pelaksanaan NPIDP ini disebut dalam Kertas Strategi nombor 17 bertajuk Penggunaan Tenaga yang Mampan bagi Menyokong Pertumbuhan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), khususnya pembangunan modal insan serta kajian susulan mengenai keupayaan modal insan dan industri sokongan negara.

Sekian, terima kasih.